

## LARANGAN MENKHIANATI HAK ISTERI DAN ANAK

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ الدِّينِ  
كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَىٰ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Islam telah menetapkan bahawa setiap lelaki yang bergelar suami atau bapa adalah ketua dalam sesebuah keluarga. Allah Subhanahu wa-Taala kurniakan baginya isteri dan anak-anak sebagai tempat ia berkasih sayang dan dalam masa yang sama isteri dan anak-anak itu merupakan suatu amanah yang besar untuk dijaga olehnya. Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam Surah al-Rum ayat 21:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ

مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: *Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri daripada jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram dengannya, dan dijadikan-Nya antara kamu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya*

*pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.*

Sebagai ketua keluarga, si suami atau bapa berperanan besar sebagai pemimpin yang mencorak keluarganya ibarat seorang nakhoda mengemudi bahtera dalam sebuah pelayaran yang jauh. Selaku pemimpin, ketua keluarga akan disoal pada hari akhirat atas kepimpinannya iaitu setiap ahli dalam keluarganya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

أَلَا كُتُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ،  
وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ، وَهُوَ مَسْئُولٌ  
عَنْهُمْ،...

Yang bermaksud: *Ketahuilah setiap daripada kamu adalah pemimpin, dan setiap daripada kamu akan disoal atas apa yang dipimpin. Seorang pemerintah adalah pemimpin bagi rakyatnya dan akan disoal terhadap pimpinannya. Seorang suami adalah pemimpin bagi anggota keluarganya dan akan disoal tentang mereka...*

Ketua keluarga mempunyai beberapa tanggungjawab asas terhadap isteri dan anak-anak yang mesti dilaksanakannya. Antara tanggungjawab tersebut adalah; mencari rezeki yang halal lagi berkat untuk menyara keluarganya, memberikan kesejahteraan kepada ahli keluarganya dengan menyediakan tempat tinggal yang sesuai, dan menyediakan makanan serta pakaian. Anak-anak pula perlu diberikan pendidikan yang sempurna merangkumi pendidikan agama dan akademik.

Imam al-Tabrani meriwayatkan bahawa Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam pernah bersabda:

حَقُّ الزَّوْجِ عَلَى الزَّوْجَةِ ، أَنْ لَا تَهْجُرَ فِرَاشَهُ ، وَأَنْ تَبَرَ قَسَمَهُ ، وَأَنْ تُطِيعَ  
أَمْرَهُ ، وَأَنْ لَا تَخْرُجَ إِلَّا بِإِذْنِهِ ، وَأَنْ لَا تُدْخِلَ عَلَيْهِ مَنْ يَكْرَهُ.

*Yang bermaksud: Hak suami yang wajib atas isteri iaitu janganlah isteri meninggalkan tempat tidurnya serta redha atas pemberian suaminya dan mentaati suruhannya begitu juga tidak keluar rumah melainkan dengan keizinan suaminya dan tidak membawa masuk orang lain yang tidak disukai oleh suaminya.*

Hadis ini dengan terang menunjukkan bahawa Islam melarang isteri membawa masuk sesiapa yang tidak disukai oleh

suami ke rumahnya. Begitu juga dalam konteks dunia hari ini, isteri dilarang memuat naik atau memuat turun apa-apa sahaja yang tidak disukai suami lebih-lebih lagi sesuatu yang boleh memecahbelahkan keharmonian rumahtangga seperti berhubungan dengan lelaki lain melalui perantaraan telefon atau internet.

Akhir-akhir ini terdapat kes-kes perceraian berpunca daripada kecurangan pasangan yang menjalin hubungan sulit dengan orang lain. Kadangkala kes kecurangan berlaku apabila pasangan bertemu dengan kekasih lama melalui program re-union (pertemuan semula) alumni sekolah atau universiti samada melalui whatsApp, facebook dan sebagainya.

Ketua keluarga perlu mengawal dengan ketat penggunaan gajet oleh isteri dan anak-anak bagi mengelakkan mereka terdedah dengan anasir negatif. Anak-anak perlu dipastikan berada di rumah dan tidak merayau-rayau di luar pada waktu malam. Sebaiknya mereka digalakkan untuk hadir ke masjid pada setiap waktu Maghrib dan Isya' serta mengaji al-Quran pada waktu terluang antara keduanya.

Islam juga memerintahkan supaya ketua keluarga menjadi qudwah atau contoh teladan yang baik kepada ahli keluarganya.

Janganlah hanya menyalahkan isteri dan anak-anak sahaja dalam penggunaan gajet dan komunikasi lain, sedangkan dia tidak menunjukkan contoh teladan yang baik bak kata pepatah Melayu “seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul”.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Sebagai mengakhiri khutbah, khatib ingin berpesan kepada semua suami dan bapa agar bertakwa kepada Allah dengan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan amanah selaku ketua dalam keluarga masing-masing. Ingatlah, pada hari akhirat nanti, kita akan disoal oleh Allah Subhanahu wa Taala sama ada melaksanakan amanah kita dengan baik terhadap isteri dan anak-anak. Sekiranya kita mengkhianati amanah ini, nescaya azab Allah Subhanahu wa Taala yang pedih sedia menanti kita di akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ

وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ



Yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui.*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ  
قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.